

24 TANDA

Boss Anda "ADA HATI" Pada Anda

Atau Berniat Mahu **Meniduri** Anda!



DANIEYA ENERGY

17 TANDA BOSS ANDA "ADA HATI" PADA ANDA

Pernah tak anda lalui situasi di mana Boss anda terlalu baik dengan anda, sampai anda tidak pasti mahu menolak atau menerima?

Pernah tak anda lalui situasi di mana cara layanan Boss terhadap anda menjadi bahan perbualan rakan sekerja yang lain?

Kami yakin ada di antara anda pernah lalui situasi sebegini dan dalam dilema, adakah Boss baik dengan anda kerana anda bagus dalam kerja, atau anda seorang yang dia percaya, atau kerana dia sudah jatuh hati pada anda!



**TIDAK SALAH ANDA PUN SYOK DENGAN BOSS ANDA,
PASTIKAN DIA BUKAN ISTERI ATAU SUAMI ORANG!**

17 TANDA BOSS ANDA "ADA HATI" PADA ANDA

1. Boss selalu ajak anda private meeting berdua. Sama ada di ofis, di luar ofis, waktu bekerja atau selepas waktu bekerja. Adakala private meeting di tempat yang romantik, mahal ataupun makanan yang sedap.
2. Anda dapat "confirmation" lebih awal dari sepatutnya. Misal kata kalau ikut surat perlantikan, tempoh probation adalah 6 bulan, tetapi dalam 3 bulang anda sudah di confirmkan.
3. Anda mendapat kenaikan gaji atau pangkat yang anda sendiri tahu anda tidak layak. Orang lain tidak dapat seperti anda, cuma anda seorang yang dapat dan dia berbisik pada anda supaya tidak beritahu orang lain.
4. Anda selalu dapat hadiah istimewa dari dia. Adakalanya, anda seorang saja yang dapat, dan adakalanya orang lain pun dapat tetapi hadiah anda lebih special dari yang lain.
5. Apabila dia travel, dia akan tanyakan anda mahu belikan apa-apa tak? Dan dia tidak tanya staff lain perkara sama.
6. Setiap kali anda melakukan kesilapan kerja, anda dimaafkan dengan alasan "biasalah, nobody is perfect". Tetapi anda tahu kalau orang lain yang buat dia akan marah dan tidak puas hati.
7. Anda dapat keistimewaan untuk masuk lewat atau balik awal yang orang lain tak dapat.
8. Dia selalu memuji anda di hadapan orang lain baik dalam mesyuarat atau pun perbualan santai.
9. Setiap kali mesyuarat atau duduk bersama rakan ofis yang lain, dia akan duduk di sebelah anda.
10. Setiap kali mesyuarat, apa saja yang anda cakap dia akan sokong dan matanya sentiasa melihat ke arah anda.
11. Dia selalu cuba menyentuh atau merapatkan atau menggesel badannya pada badan anda.

17 TANDA BOSS ANDA "ADA HATI" PADA ANDA

12. Anda tahu yang walaupun lawak anda tidak kelakar, dia ketawa over seolah ianya kelakar sangat.

13. Dia selalu melakukan "eye contact" pada anda dan senyum tersimpul rapi bila melihat anda.

14. Dia tidak suka bila lihat jantina yang sama dengannya berborak lama dengan anda. Dia akan lepas kemarahannya pada orang itu atau pada anda dalam kerja.

15. Dia selalu ajak anda travel ke outstation ke sana ke sini ke sana ke sini dan adakalanya memerlukan anda bermalam di sana.

16. Dia selalu memuji penampilan anda dan membuat anda di awang awangan walaupun anda tahu hari itu penampilan anda "totally out".

17. Selalu telefon atau mesej anda untuk perkara yang remeh atau peribadi ataupun yang anda rasa tiada kaitan dengan anda.

18. Selalu memuji bentuk badan anda.

19. Dia selalu datang ke meja anda atau cari alasan untuk berbual dengan anda.

20. Walaupun anda sering mengulangi kesilapan sama, dan dia tahu anda cuai, tapi dia tidak marah dan dia siap bantu anda selesaikan isu itu.

21. Dia selalu terlebih excited merayakan hari jadi anda di pejabat. Staff lain tak merasa seperti yang anda dapat.

22. Dia akan cemburu dan selalu text atau call anda bila anda bercuti, terutamanya bila cuti panjang. Selalunya atas alasan kerja atau mengada.

24. Dia antara orang pertama dan terakhir hantar mesej pada anda setiap hari.

25. Cara layanan dia pada anda sewaktu temuduga kerja.

17 TANDA BOSS ANDA "ADA HATI" PADA ANDA

KENAPA PENTING UNTUK ANDA ELAK LAYANAN ISTIMEWA INI?

Tahukah anda, lebih 90% kes gangguan seksual tidak mendapat keadilan yang sepatutnya kerana kesilapan mangsa sendiri?

Semua gangguan seksual di tempat kerja bermula dengan layanan istimewa seperti yang disebut di dalam E-BOOK ini.

Jika ada bukti menunjukkan anda pernah menerima sebarang layanan istimewa tanpa bantahan, itu bermaksud anda memberi lampu hijau pada pelaku yang anda tahu niatnya dan bersetuju untuk bersuhabat bersama.

Pelaku boleh menggunakan bukti ini untuk menyelamatkan diri dari dihukum di dalam mahkamah atas kesalahan gangguan seksual.

Jika layanan istimewa anda berhenti separuh jalan kerana anda tidak suka dan syak ang dia ada niat untuk meniduri anda, dia mungkin akan lepas geram ke atas anda melalui kerja atau perkara lain kerana sebagai boss dia ada kuasa ke atas anda.

CARA MENEPIS SECARA DIPLOMATIK TANPA MENGGURIS HATI

Setiap kali dia belikan sesuatu atau mahu belikan sesuatu pada anda, anda pastikan ianya dikongsi dengan rakan ofis yang lain.

Jika dia bertanya, katakan yang tidak adil staff lain tak dapat seperti mana anda dapat.

Kali pertama dan kedua mungkin kekok, tapi selepas itu ia akan menjadi mudah untuk anda.

Kalau dia asyik belanja anda dan semua rakan ofis, pasti lama lama habis duitnya. Kalau dia tak give up dan sentiasa belanja anda dan semua kerana anda suruh, sama ada dia benar benar sukakan anda, atau memang duit tengah banyak sangat sampai tak tahu nak buat apa.

17 TANDA BOSS ANDA "ADA HATI" PADA ANDA

APA TINDAKAN ANDA?

1. Jika anda masih single dan belum berkahwin, siasat jika boss anda masih single juga, sudah berkahwin, playboy ataupun duda.
2. Jika dia single dan baik hati, anda boleh melayan. Mana tahu jadi isteri boss. Murah rezeki anda. Jika dia single tapi niat mahu bermain dengan perasan anda, elakkan.
3. Jika dia sudah berkahwin, atau playboy atau mahu tambah cawangan, cuba elakkan.
4. Jika anda sudah berkahwin, elakkan menerima semua layanan istimewa dari dia seperti yang disebut di atas. Ini penting supaya tidak terhutang budidan juga dia tiada peluang untuk mengungkit.
5. Jika kedua-dua anda dan dia mahu menjadi teman tapi mesra tanpa ikatan, teruskan. Tapi esok lusa kalau terluka, jangan komplek. Pandai buat pandai tanggung.

INGAT!
Jangan sampai terhutang budi tergadai body!

**UNTUK MENDAPATKAN E-BOOK KAMI
YANG LAIN, SILA LAYARI:**

<https://www.danieyaenergy.com/product-category/e-book/>

**UNTUK KURSUS INDOOR, OUTDOOR ATAU
SEMINAR SILA LAYARI:**

<https://www.danieyaenergy.com/training/>

**UNTUK KENALI KAMI LEBIH LANJUT
SILA LAYARI:**

<https://www.danieyaenergy.com/>

FACEBOOK KAMI (DANIEYA ENERGY)

<https://www.facebook.com/danieyaenergysb/>

INSTAGRAM KAMI (danieya_energy)

https://www.instagram.com/danieya_energy/?hl=en